

| | | | |
|------------|----------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pupus tanpa disedari | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 15 Mar 2017 | Color | Full Color |
| Section | Mega | Circulation | 171,663 |
| Page No | 24 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 579 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,444 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 34,331 |



Pupus tanpa disedari

TANPA kajian yang mendalam, usaha dan komitmen yang jitu daripada pihak yang bertanggungjawab pastinya banyak tumbuhan akan pupus begitu sahaja.

Setengah daripada kita pasti tidak menghiraukan keadaan tersebut namun tidak bagi saintis di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), **Dr. Saw Leng Guan**.

Usaha beliau mengkaji spesies pokok palma (*Licuala sp.*) tidak pernah jemu sehingga menemukannya kepada subspecies baharu daripada keluarga pokok tersebut.

Dikenali sebagai *Licuala whitmorei saw*, pokok palma seakan-akan pokok palas tersebut pada asalnya ditemukan pada tahun 1970 oleh saintis British, Timothy Charles Whitmore di Hutan Simpan Mersing, Johor.

“Di Semenanjung Malaysia kebanyakan *Licuala sp.* yang ditemukan adalah pokok palma bersaiz sederhana dan sesetengahnya amat kecil kurang dari 0.5 meter (m) tinggi,” ujarnya.

Pokok palma terbesar mampu mencecah beberapa meter tinggi. Spesies ini memiliki pelbagai rupa bermula daripada berbatang kepada

tidak berbatang, tumbuh sendirian dan berkumpul bagaimanapun karakter utama yang mudah untuk dikenal pasti adalah daunnya yang berbentuk kipas.

Spesies palma merupakan antara tumbuhan yang memiliki jangka hayat yang panjang dan lambat membesar dan tidak begitu popular untuk dijadikan hiasan atau sebagainya.

Bagi spesies *Licuala whitmorei*, tumbuhan tersebut merupakan antara spesies palma yang jarang ditemukan di negara ini.

Deskripsi yang dapat dilakukan adalah berdasarkan dua koleksi yang diambil oleh Whitmore dari Hutan Simpan Mersing.

Berdasarkan sampel tersebut sukar untuk mereka mengenal pasti secara terperinci membuatkan Dr. Leng Guan melawat semula Hutan Simpan Mersing di Johor bagi mendapatkan sampel yang segar.

Semasa membuat semakan semula genus spesies tersebut Dr. Leng Guan telah melawat kawasan hutan simpan tersebut dan membuat koleksi baharu daripada sebanyak mungkin kawasan.

Oleh kerana spesies tersebut terancam, Dr. Leng Guan cuba untuk menempatkan semula dan pada 1991, dia bersama dua lagi staf FRIM telah ke hutan simpan tersebut untuk mengambil sampel.

Walau bagaimanapun, pada ketika itu, hampir kesemua *Licuala sp.* yang ditemui adalah steril dan agak sukar untuk mereka mengenal pasti *Licuala whitmorei saw* berdasarkan sampel tersebut.

Oleh demikian mereka telah mengambil biji benihnya dan



DR. SAW LENG GUAN menunjukkan tumbuhan yang hampir pupus di FRIM, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

ditanam di Tanam Botani Kepong (KBG) dan berjaya membiak.

Terbaharu, pada June tahun lalu, barulah pokok-pokok tersebut berbunga dan berbuah setelah salah seorang pengunjung yang rajin ke taman itu menemuinya secara tidak sengaja.

“Apabila mendapat maklumat itu saya bergegas ke taman tersebut dan mengesahkan bahawa pokok *Licuala sp.* yang ditanam dahulu telah berbuah.

“Sejurus itu saya mengaturkan satu lawatan semula ke Hutan Simpan Mersing pada September 2016,” katanya.

Dalam lawatan tersebut, mereka berjaya menemui spesies asal yang masih tumbuh dengan baik di bawah litupan hutan pokok kapur (*Dryobalanops aromatica*).

Walau bagaimanapun, pokok tersebut masih berada dalam keadaan steril sama seperti pokok yang mereka tanam di KBG.

Penemuan tersebut mengesahkan spesies tersebut adalah *Licuala whitmorei saw* dan hanya membiak dengan baik di

bawah litupan pokok kapur.

Berdasarkan sampel segar, baharu mereka mengetahui bahawa spesies tersebut merupakan spesies baharu dan menamakannya bersempena nama Whitmore sebagai menghormati mendiang saintis tersebut.

Penyelidikan berkaitan palma merupakan skop kajian Dr. Leng Guan ketika mengikuti pengajian (Ph.D) dan koleksi *Licuala sp.* oleh Whitmore merupakan antara koleksi yang amat membantunya berjaya menghabiskan pengajiannya.

Spesies berkenaan kini diambang kepupusan dan telah disenaraikan dalam Senarai Merah Spesies Terancam Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN).

Sekiranya tiada usaha pemuliharaan pastinya spesies tersebut akan pupus tanpa disedari.

Apa yang diharapkan menerusi kajian yang dilakukan adalah spesies tersebut dapat diselamatkan daripada kepupusan oleh pihak yang bertanggungjawab.

FAKTA

- Secara umumnya terdapat 150 spesies *Licuala sp.* di seluruh dunia dan Malaysia memiliki antara yang terbanyak iaitu sekitar 82 spesies.
- Sebanyak 41 spesies dicatatkan di Semenanjung Malaysia dan di Borneo terdapat 46 spesies.



DR SAW LENG GUAN menunjukkan spesies pokok palma yang dikajinya.